



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**6 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 188 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 368,606 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 172 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 353,298 orang. Manakala 294 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 271 orang di hospital, 21 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, satu (1) orang di pusat tahanan sementara/penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 30 orang merangkumi 27 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 11 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 20 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah mencatatkan angka jangkitan baharu sebanyak 188 kes, iaitu penurunan 10 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Jumlah kes hari ini tidak banyak berbeza dengan jumlah semalam. Jumlah daerah yang mencatatkan peningkatan dan penurunan kes baharu adalah seimbang, masing-masing sebanyak 12 daerah. Tiga (3) lagi daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Perubahan angka di kebanyakan daerah adalah pada jumlah yang kecil kecuali Beaufort dan Kota Kinabalu yang masing-masing mencatatkan penurunan -12 kes.
- c. Peratusan jangkitan sporadik terus naik dan hari ini hampir 62% daripada 58% semalam. Lebih separuh (14) daripada 27 daerah di Sabah mencatatkan jangkitan sporadik sebagai penyumbang utama jangkitan baharu di daerah-daerah tersebut. Antaranya ialah Kota Kinabalu (83%), Penampang (78%) dan Beaufort (80%).
- d. Terdapat tujuh (7) daerah mencatatkan kes dua angka, 17 daerah mencatatkan kes satu (1) angka sementara tiga (3) daerah lagi iaitu Nabawan, Tongod dan Kalabakan tidak merekodkan sebarang kes baharu pada hari ini.
- e. Sebanyak 183 atau 97.34% daripada 188 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 & 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	42	22.34%
3	Bergejala	116	61.70%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	30	15.96%
<b>JUMLAH</b>		<b>188</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam ( 5 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 5/04/2022	Catatan Kes 6/04/2022	Perbandingan
1	Putatan	3	11	+8
2	Kudat	2	7	+5
3	Kota Belud	4	8	+4
4	Tuaran	10	14	+4
5	Tenom	1	4	+3
6	Sipitang	6	8	+2
7	Tawau	7	9	+2
8	Pitas	2	4	+2
3	Kota Marudu	3	5	+2
10	Telupid	0	2	+2
11	Beluran	0	2	+2
12	Semporna	0	1	+1
13	Keningau	10	10	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Kuala Penyu	3	3	Mendatar
16	Beaufort	27	15	-12
17	Kota Kinabalu	42	30	-12
18	Penampang	29	23	-6
19	Sandakan	13	8	-5
20	Tambunan	4	1	-3
21	Lahad Datu	6	4	-2
22	Nabawan	2	0	-2
23	Papar	14	13	-1
24	Ranau	5	4	-1
25	Kinabatangan	2	1	-1
26	Kunak	2	1	-1
27	Tongod	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>198</b>	<b>188</b>	<b>-10</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	2	25	0	3	30	859
Penampang	0	5	18	0	0	23	352
Beaufort	0	3	12	0	0	15	172
Tuaran	0	8	5	0	1	14	277
Papar	0	5	7	0	1	13	287
Putatan	0	4	7	0	0	11	177
Keningau	0	3	6	0	1	10	105
Tawau	0	0	1	0	8	9	91
Sandakan	0	0	7	0	1	8	185
Kota Belud	0	1	3	0	4	8	76
Sipitang	0	3	5	0	0	8	83
Kudat	0	3	4	0	0	7	63
Kota Marudu	0	2	2	0	1	5	108
Lahad Datu	0	0	1	0	3	4	51
Ranau	0	1	2	0	1	4	71
Tenom	0	0	4	0	0	4	69
Pitas	0	0	2	0	2	4	61
Kuala Penyu	0	0	2	0	1	3	75
Beluran	0	1	0	0	1	2	52
Telupid	0	1	1	0	0	2	14
Kunak	0	0	1	0	0	1	26
Tambunan	0	0	0	0	1	1	76
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	40
Semporna	0	0	1	0	0	1	10
Tongod	0	0	0	0	0	0	8
Nabawan	0	0	0	0	0	0	16
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	5
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>116</b>	<b>0</b>	<b>30</b>	<b>188</b>	<b>3409</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 2,739 unit.

- Hospital 1,335 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,164 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 10.73%.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 APRIL 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	181
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
<b>Jumlah</b>	<b>188</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	176
Bukan Malaysia	12
<b>Jumlah</b>	<b>188</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	14
Belum Menerima Vaksin (5-11)	13
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	5
Menerima 1 Dos	6
Lengkap 2 Dos	81
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	69
<b>Jumlah</b>	<b>188</b>

#### Iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1-4	10
5 -11	19
12-17	12
18-29	38
30-39	44
40-49	30
50-59	16
60-69	8
70-79	4
80-89	3
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>188</b>

### C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 5 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,327 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,316 orang adalah penduduk dewasa, 42 orang adalah penduduk remaja dan 969 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 5 April 2022 adalah seramai 2,564,531 orang. Ini meliputi 2,133,297 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.53% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,678 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,762 orang atau 76.96% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,627 orang atau 78.04% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 317,121 atau 74.41% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 98,607 atau 23.97% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 2,795 atau 0.68% orang.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,837** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 198 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) tangkapan di bawah Akta Kastam 1967.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 780 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 559 premis perniagaan dan 831 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 62 di Premis Perniagaan melibatkan sembilan 32 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Sejumlah 56 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 143 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98.8%
2	Kinabatangan	98.7%
3	Beluran	98.6%
4	Kunak	98.6%
5	Kudat	98.6%
6	Kota Belud	98.6%
7	Ranau	98.5%
8	Sipitang	98.5%
9	Kota Marudu	98.5%
10	Tenom	98.4%
11	Tawau	98.4%
12	Beaufort	98.4%
13	Keningau	98.4%
14	Kota Kinabalu	98.3%
15	Papar	98.3%
16	Lahad Datu	98.2%
17	Sandakan	98.2%
18	Penampang	98.2%
19	Tuaran	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**